

TARGET VIP

MENIRU KEBAIKAN
ITU BAIK.

Lain insan, lain pula pendirian dan penerimaannya. Ironinya, kekurangan atau kelebihan bukanlah isu utama jika kita meyakini sepenuhnya jaminan Allah yang Berkuasa Melapangkan dan Menyempitkan.

Jaminan apa yang dimaksudkan di sini? Sudah pasti, tiada jaminan lain yang selalu kita doa dan harapkan melainkan sentiasa dapat berbuat kebaikan dan dijamin pula ke syurga-Nya.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Abu Bakar masuk syurga, Umar masuk syurga, Ali masuk syurga, Uthman masuk syurga, Thalhah masuk syurga, al-Zubair masuk syurga, Abdul Rahman bin 'Auf masuk syurga, Sa'ad bin Abu Waqas masuk syurga, Sa'id bin Zaid masuk syurga dan Abu Ubaidah bin al-Jarrah juga masuk syurga." (Riwayat Imam Ahmad)

Subhanallah, bertuahnya menjadi 10 sahabat terpilih ini yang telah pun dijamin syurga oleh Rasulullah. Itulah kehidupan akhirat yang membahagiakan, yang tidak pernah akan sama dengan bahagia di kehidupan dunia. Persoalannya, mampukah kita menjadi seperti 10 sahabat itu?

KITA KEHILANGAN TELADAN?

Tanpa kita sedar, beruntungnya kita kerana didedahkan dan ditinggalkan dengan pelbagai peribadi tokoh yang punya martabat di sisi Allah dan disebut-sebut dalam sirah. Rasulullah pernah memberitahu dalam hadis riwayat Bukhari.

Baginda bersabda: "Sebaik-baik umatku adalah generasiku, kemudian generasi setelahnya, kemudian yang setelahnya lagi." Indah bukan beroleh jaminan dan pengiktirafan daripada seorang Kekasih Allah?

Memang, amatlah rugi andai kita tidak merebut peluang untuk termasuk dalam golongan yang disebut Baginda ini. Tiada alasan

Senang bukan petanda hidup akan selalu bahagia. Sempit pula tidak semestinya selalu berakhir dengan perit. Kadangkala senang itu menyesakkan, sementara sempit pula menatijahkan seseorang rasa kecukupan dan kesyukuran yang tinggi kepada Tuhannya.

A

Sila muat turun aplikasi AURA dan imbas halaman ini.

Mencontohi

CONTOHI



untuk kita menidakkan. Adakah kita masih boleh berkata, kita kehilangan teladan?

sebagai sebaik-baik umat. Kita perlu mencontohi contoh!

MENCONTOHI CONTOH

Lengkap berpakej. Kita sudah pun ada modul dan model yang telah dijamin ke syurga. Apa lagi yang dicari? Contohi sahaja contoh! Itulah tindakannya. Peranan siapa lagi untuk menjadi model seterusnya untuk generasi hari ini? Inilah tugas kita bersama-sama. Kitakan umat yang dijanji Rasulullah

BELAJAR DARIPADA SAHABAT

Ini hanya ringkasan tiga peribadi sahabat yang telah dijamin syurga. Mari kita semak antara ketinggian peribadi insan-insan terpilih dan terbaik ini.

facebook.com/WardahSafiah
zaidah@telagabiru.com.my

DOA

DOA MENGHINDARI API NERAKA

اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنَ النَّارِ

MAKSUDNYA:

"Ya Allah, selamatkanlah aku daripada api neraka."
(Riwayat Ahmad)



SAYIDINA ABU BAKAR AL-SIDDIQ

FAKTA MENARIK

- Lelaki pertama memeluk Islam.
- Digelar *al-Siddiq* kerana membenarkan apa yang diperkatakan Nabi.
- Khalifah pertama.

PERIBADI 1

Rasulullah: "Orang yang paling banyak mendermakan diri dan hartanya kepadaku ialah Abu Bakar. Andai kata aku boleh mengambil seseorang sebagai kekasih, nescaya aku jadikan Abu Bakar sebagai kekasihku." (Riwayat al-Bukhari)

PERIBADI 2

Al-Hassan bin Abi Hassan al-Basri: "Abu Bakar masuk terlebih dahulu ke dalam gua Thur daripada Rasulullah dan meraba-raba lubang di tempat persembunyian mereka untuk memastikan tiada binatang buas atau ular." (*al-Sirah al-Nabawiyah li Ibn Hisham*)



SAYIDINA UMAR AL-KHATTAB

FAKTA MENARIK

- Individu pertama digelar *Amirul Mukminin*.
- Tokoh pertama menetapkan kalendar hijrah.
- Mertua kepada Rasulullah (bapa kepada Hafsa)

PERIBADI 1

Ali bin Ali Talib: "Aku tidak melihat seorang pun yang berhijrah ke Madinah kecuali secara sembunyi. Namun, berbeza dengan Umar al-Khattab..." (*Tarikh al-Khulafa*)

PERIBADI 2

"Umar al-Khattab bukan yang pertama masuk Islam, bukan juga yang pertama berhijrah. Namun antara kami dialah yang paling zuhud terhadap dunia dan paling mencintai akhirat." (*Al-Thabaqat al-Kubra*)



SAYIDINA UTHMAN BIN AFFAN

FAKTA MENARIK

- Digelar Zunnurain (pemilik dua cahaya) kerana menikahi dua puteri Rasulullah iaitu Ruqaiyah dan Ummu Kulthum.
- Membukukan al-Quran.

PERIBADI 1

Hassan al-Basri: "Ketika berada di dalam rumah yang terkunci, Uthman tidak pernah melepaskan pakaiannya walaupun saat mandi." (*Sifat us Safwah*)

PERIBADI 2

Ketika Khalifah Uthman terbunuh, isterinya berkata: "Kalian membunuhnya, padahal dia selalu menghidupkan malam-malamnya dengan membaca al-Quran." (Ibn Sirin)